

NO. SOALAN: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10087

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 terkini dan berapa jumlah kematian akibat nahas jalan raya bagi tahun-tahun berkenaan serta apakah langkah Kerajaan bagi mengekang tragedi kejadian kemalangan jalan raya terutama kemalangan maut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik jumlah keseluruhan kemalangan jalan raya bagi tahun 2015, 2016 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

JENIS KEMALANGAN	2015	2016	2017 (JAN-JUN)
MAUT	6,193	6,570	3,082
PARAH	3,210	3,478	1,346
RINGAN	5,733	5,527	2,703
ROSAK SAHAJA	474,470	505,891	257,298
JUMLAH	489,606	521,466	264,429

Statistik kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya bagi tahun 2015, 2016 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

KESAN KEMALANGAN	2015	2016	2017 (JAN-JUN)
MATI	6706	7152	3,332
PARAH	4120	4506	1,835
RINGAN	7432	7415	3,581
JUMLAH	18,258	19,073	8,748

Antara langkah yang diambil bagi mengelakkan kemalangan melibatkan kematian adalah seperti berikut:

- i. perancangan dan tindakan Kementerian melalui PDRM dalam menangani isu kemalangan jalan raya masih tertumpu kepada pendekatan 5E, iaitu *Enforcement, Education, Engineering, Environment, dan Evaluation* bagi menyemai “budaya pemanduan yang mematuhi peraturan lalu lintas” di kalangan pengguna jalan raya. Pendekatan yang diterapkan adalah berkonsepkan strategi *Carrot and Stick* iaitu “memberi peluang secukupnya kepada orang ramai agar tidak melakukan kesalahan sebelum tindakan tegas diambil” kepada semua pengguna jalan raya.**

- ii. program mendidik orang ramai daripada melakukan kesalahan melalui pendekatan pencegahan seperti:**
 - a. Sejak 1 Mac 2011, PDRM telah memberi amaran awal melalui papan tanda amaran “ZON OPERASI HAD LAJU/ KAMERA” atau dengan meletakkan papan tanda “AWAS OPERASI HAD LAJU/ KAMERA” sebelum pemandu tiba di lokasi di mana alat perangkap kelajuan dikendalikan oleh anggota PDRM;**

- b. meningkatkan publisiti mengenai isu kemalangan jalan raya melalui media massa dan elektronik;
 - c. meningkatkan persepsi pengguna jalan raya bahawa mereka sentiasa diawasi dengan menunjukkan kehadiran polis menerusi operasi-operasi seperti Ops Sikap dan Ops Samseng Jalanan; dan
 - d. PDRM turut bekerjasama dengan agensi-agensi bukan kerajaan dalam melaksanakan kempen keselamatan jalan raya seperti Program *Ride It Right* bersama persatuan *Riders United*, Syarikat TM dan PLUS bagi menangani isu "Samseng Jalanan" khususnya ketika musim-musim perayaan.
- iii. Selain dari pelaksanaan konsep 5E, PDRM turut melaksanakan MS ISO 39001 RTSMS (*Road Traffic Safety (RTS) Management Systems*) yang meletakkan sasaran penurunan 2% kadar kematian bagi setiap 10 ribu kenderaan berdaftar berbanding tempoh sebelumnya. Kontinjen Kuala Lumpur merupakan kontinjen pertama melaksanakan projek ini dan telah mendapat persijilan MS ISO 39001 RTSMS pada 20 Disember 2013. PDRM juga merupakan agensi penguatkuasa yang pertama mendapat persijilan ini.